

'Budak petai' sukarelawan Food Bank Siswa USM

Bantu lancar program dikendali KPDNHEP

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

Georgetown: Menerima dan kemudian memberi. Itu yang dilakukan Muhammad Izzat Amran Ibrahim apabila memilih menyertai sukarelawan Food Bank Siswa di Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, semalam.

Muhammad Izzat, 20, yang turut dikenali sebagai 'budak petai' berbeka, penyertaannya sebagai sukarelawan adalah untuk membantu melancarkan program dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu.

"Saya bukan orang senang, jadi satu-satunya cara untuk 'memberi' adalah dengan menjadi sukarelawan supaya saya dapat membantu dari segi fizikal, apa yang mereka perlukan."

"Setakat ini, semua berjalan lancar di USM dan ramai juga kawan baharu mengenali saya," katanya yang turut menjadi penenerima program Food Bank Siswa USM.



Saifuddin Nasution menyampaikan barang keperluan kepada Muhammad Izzat pada pelancaran Food Bank Siswa USM di Pulau Pinang, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

Muhammad Izzat ditemui selepas menghadiri pelancaran Food Bank Siswa USM yang dirasmikan Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di sini.

Sebelum ini, BH melaporkan kisah Muhammad Izzat yang terpaksa menjaja petai untuk mencari wang bagi membayar yuran dan menampung pembelajarannya di USM bagi mengikuti kursus Sarjana Muda Sains Perumahan, Bangunan dan Peranca-

ngan (Teknologi Bangunan).

Keprihatinan semua pihak akhirnya membantu anak ketiga daripada 12 beradik itu mengikuti pengajian di USM bermula Isnin lalu.

Sementara itu, 4,000 pelajar universiti awam (UA) kini menjadi penerima Food Bank Siswa yang dilancarkan KPDNHEP pada awal tahun lalu.

Saifuddin Nasution berkata, USM adalah UA ke-12 melaksanakan program Food Bank Siswa

dengan 350 pelajar dikenal pasti layak menerima bantuan itu.

"Food Bank Siswa USM digerakkan melalui dua kaedah iaitu *Food Pantry* yang menyediakan bekalan makanan kering sebelum diagihkan kepada mahasiswa yang layak dan *Central Kitchen*," katanya.

Program Food Bank Siswa kesinambungan program Food Bank Malaysia yang dilancarkan tahun lalu bagi membantu isi rumah kumpulan B40 di seluruh negara.

HARI : TARikh : MSURAT : ISNIN : 9/9/2019 16